

13 MAR 2000

Mahathir-Tiba

DR MAHATHIR TIBA DI JOHOR UNTUK RASMI TIGA ACARA

JOHOR BAHRU, 13 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pagi ini untuk lawatan singkat menghadiri tiga majlis perasmian.

Setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai, Perdana Menteri berkereta ke Gelang Patah untuk merasmikan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) yang mula beroperasi Januari lepas.

PTP dianggap oleh sesetengah pihak sebagai pelabuhan alaf di kawasan barat daya Johor.

Ia akan menjadi antara tiga pelabuhan utama di rantau ini dari segi saiz dan apabila beroperasi sepenuhnya, PTP akan dapat memenuhi permintaan industri maritim abad ke-21.

Sebanyak enam dermaga setiap satu sepanjang 360 meter dibina di bawah Fasa Satu.

Pembangunan Fasa Satu merangkumi kawasan seluas 774 hektar dan menelan belanja RM2.8 bilion. Apabila kelima-lima fasa itu siap, PTP akan menjadi antara tiga pelabuhan terbesar di Asia Tenggara.

Pada pukul 12.30 tengah hari, Dr Mahathir akan merasmikan persidangan antarabangsa dwi-tahunan PTP di Hotel Hyatt Regency di sini.

Selepas itu pada pukul 3.30 petang, Perdana Menteri akan merasmikan fasa kedua Kompleks Petrokimia Titan di Pasir Gudang yang bernilai RM3.5 bilion.

Titan Group ialah pelabur terbesar di Johor dengan nilai pelaburan sebanyak RM5.5 bilion.

Dr Mahathir dijadualkan berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada lewat petang.

-- BERNAMA

MKO RON